

**CADANGAN PROJEK MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN
DI KAWASAN KAMPUNG TENGAH (B) PUCHONG,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

NO. FAIL : MPSJ KEJ / PS / KN – T / 2 / 2008

ARAHAN KEPADA PENTENDER

1.0 Am

Arahan Kepada Pentender ini, dalam mana mempengaruhi pelaksanaan Kontrak, hendaklah menjadi sebahagian Kontrak.

2.0 Dokumen Tender dan Yuran

2.1 Dokumen-dokumen berikut akan diserahkan kepada Pentender selepas membayar yuran dokumentasi :

Arahan Kepada Pentender, Borang Tender dan Syarat-syarat Tender, Syarat-Syarat Kontrak, Perincian Kerja, Ringkasan Kerja, Spesifikasi, Maklumat Pentender dan Lukisan/Pelan.

2.2 Kesemua Dokumen Tender di atas boleh diperolehi dengan membayar yuran Dokumentasi sebanyak **RMRinggit Malaysia:**

Dari tempat yang dinyatakan di para 2.3

2.3 Dokumen Tender boleh didapati secara on line di alamat :-
http://tender.selangor.gov.my/

3.0 Deposit Tender / Tempoh Sah Tender

3.1 Tender-tender hendaklah terus sah selama tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan Tender sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Tender dan Pentender tidak dbenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut. Pentender adalah diingatkan bahawa Deposit Tender tidak diperlukan untuk Tender ini. Seandainya Pentender menarik diri di dalam Tempoh Sah Tender atau sebarang tempoh yang dilanjutkan, tindakan disiplin akan diambil terhadapnya di mana pendaftaran Pentender sebagai Kontraktor dengan pihak Kerajaan.

- a) akan digantung selama dua (2) tahun bagi kesalahan yang pertama,
- b) akan digantung selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua, dan
- c) akan dibatalkan bagi kesalahan berikutnya.

4.0 Perincian Kerja/Jadual Kadar harga

- 4.1 Perincian Kerja/Jadual Kadar Harga hendaklah dihargakan dengan menggunakan **DAKWAT** yang tidak mudah luntur dan jumlah amaun yang dihargakan dalam Perincian Kerja oleh Pentender hendaklah sama dengan amaun yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tender dan Borang Tender.
- 4.2 Kadar harga yang diisikan oleh Pentender bagi setiap item di dalam Perincian Kerja / Jadual Kadar harga, kecuali dinyatakan sebaliknya, hendaklah termasuk menyediakan dan menghantar semua bahan-bahan, memunggah, memotong dan pembaziran pada bahan-bahan, menyimpan, membungkus, mengangkut dan membuang, pemasangan kelengkapan pada tempatnya, penggunaan loji, pengawasan, caj penempatan, keuntungan dan tenaga buruh yang lain dan semua yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja itu dengan sempurna.
- 4.3 Sekiranya Pentender tidak menghargakan sebarang item di dalam Perincian Kerja / Jadual Kadar harga. Permulaan atau meletakkan tanda (-) terhadap mana-mana item-item di dalam Perincian Kerja / Jadual kadar harga, nilai tersebut adalah di anggap telah di masuk di dalam kadar-kadar harga bagi item-item lain di dalam dokumen kontrak tersebut.
- 4.4 Pentender yang berjaya hendaklah, dalam masa 7 hari apabila diminta oleh Pegawai Pengguna atau Jurukur Bahan bagi pihaknya mengemukakan pecahan terperinci unit harga untuk sebarang item, kumpulan item atau semua item yang terkandung di dalam Perincian Kerja. Pecahan harga tersebut hendaklah mengandungi harga untuk buruh, bahan, loji, peralatan dan sebagainya.
- 4.5 Tiada sebarang perubahan, tambahan atau nota yang tidak dibenarkan, boleh dibuat kepada Perincian Kerja / Jadual Kadar harga ini yang mengubah teks yang tercetak.

5.0 Perubahan Harga Ke Atas Bahan-bahan Binaan

- 5.1 Bayaran untuk perubahan harga ke atas bahan-bahan binaan akan dikira berdasarkan kepada peruntukan khas kepada Syarat-syarat Kontrak untuk kategori bahan-bahan binaan seperti yang tercatat dalam Syarat-syarat kontrak.

6.0 Pencanggahan Dokumen Tender

- 6.1 Sekiranya Pentender mendapati ada pencanggahan di antara Jadual Kadar Harga atau / dan Spesifikasi Pentender tersebut hendaklah dengan serta-merta merujuk kepada Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Subang Jaya yang akan menyelesaikan atau / dan mengarahkan yang mana perlu diikuti. Penyelesaian atau arahan tersebut hanya sah jika dibuat oleh Jurukur Bahan dalam bentuk Addenda secara rasmi seperti yang dinyatakan di dalam para 7 di bawah.

7.0 Addenda

7.1 Sebelum tarikh akhir bagi penyerahan Tender, Jurukur Bahan boleh mengeluarkan Addenda untuk menerangkan atau membetulkan sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender. Setiap Addenda yang dikeluarkan akan diedarkan kepada pentender dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender. Penerima setiap Addenda mestilah diberitahu melalui Borang Bukti Penerimaan yang disertakan bersama-sama Addenda. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Tender berkenaan ditolak.

8.0 Interpretasi Secara Lisan.

8.1 Interpretasi secara lisan kepada mana-mana Bahagian Dokumen Tender atas permintaan atau / dan diterima Pentender hendaklah tidak diambil kira sebagai membetulkan sebarang peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender. Sebarang Pemberitahuan atau pembetulan kepada mana-mana Bahagian di dalam Dokumen Tender akan dibuat secara bertulis oleh Jurukur Bahan, di dalam bentuk Addenda seperti yang dinyatakan di para 7 di atas.

9.0 Piawaian

9.1 Semua pertukangan, bahan-bahan dan komponen sepanjang kerja-kerja dijalankan hendaklah mematuhi Piawaian Malaysia atau Kod Amalan; atau dalam kes-kes yang lain iaitu Piawaian British atau Kod Awalan; atau standard atau Kod Amalan yang diterangkan di dalam spesifikasi.

10.0 Bon Pelaksanaan

10.1 Pentender yang berjaya hendaklah menyerahkan pilihan kaedah Bon Peraksanaan samaada Jaminan Bank atau Jaminan Insurans (bagi kontrak yang bernilai RM 1 juta ke bawah sahaja) atau Wang Jaminan Pelaksanaan yang di kenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) harga kontrak sebelum memulakan sebarang kerja di bawah Kontrak ini

11.0 Tender dan Tempoh Penyiapan

11.1 Pentender adalah dikehendaki mengisi sepenuhnya perkara-perkara berikut menjadi sebahagian daripada Tender itu :-

- a) Borang Tender, termasuk Lampiran yang disertakan
- b) Perincian Kerja
- c) Ringkasan Kerja

- 11.2 Di mana Bahagian dokumen yang perlu ditandatangani oleh Pentender melebihi dari satu muka. Setiap muka surat bagi setiap borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh Pentender.
- 11.3 Kegagalan pihak Pentender untuk menyerahkan sebarang dokumen seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan Tendernya ditolak.
- 11.4 Tempoh penyiapan bagi kontrak ini adalah tertakluk kepada tempoh penyiapan yang di berikan oleh pentender itu sendiri.

12.0 Penyerahan Tender

Dokumen Tender hendaklah dilengkapkan, dimasukkan ke dalam sampul surat dan dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenal Pentender pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek di Bahagian atas sebelah kiri : **CADANGAN PROJEK MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI KAWASAN KAMPUNG TENGAH (B) PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- 12.1 Dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui pos berdaftar kepada :

**Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan,
Aras 2, Majlis Perbandaran Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.**

Dan hendaklah sampai tidak lewat atau pada pukul 12.00 tengahari pada..... Mana-mana Tender yang sampai selepas masa dan tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan. Tanpa sebarang obligasi, kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana Tender yang telah dihantarkan tetapi didapati hilang atau lewat diterima. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran mana-mana Tender.

13.0 Kos Tender

- 13.1 Kerajaan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh Pentender di dalam penyediaan atau penghantaran Tender beliau.

14.0 Perbuatan Rasuah

- 14.1 Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan Pentender akan menyebabkan Tender tersebut ditolak dengan serta merta.

15.0 Penerimaan atau Penolakan Tender

- 15.1 Kerajaan berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan Tender tanpa sebarang sekatan umum kepada kenyataan yang terdahulu, mana-mana Tender yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.
- 15.2 Pihak Kerajaan adalah tidak terikat untuk menyetujuterima Tender terendah atau sebarang Tender, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana Tender yang ditolak.
- 15.3 Kontraktor yang tendernya disetujuterima dikehendaki menandatangani Persetujuan Kontrak, menggunakan Borang Setuju -Terima Tender.

16.0 Setujuterima Tender

- 16.1 Pentender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang penerimaan Tendernya dengan surat dalam Tempoh Sah Tender atau sebarang tempoh lanjutan. Pentender tersebut hendaklah dengan seberapa segera sebelum memulakan kerja, mendeposit Bon Pelaksanaan untuk pelaksanaan kontrak dan polisi-polisi Insuran untuk insuran kerja, insuran terhadap kecederaan seseorang dan kerosakan terhadap hartabenda, dan Insuran Pampasan (PERKESO) dan hendaklah mengemukakan resit premium asal yang telah dibayar atau sumbangan yang telah dibuat untuk diperiksa, seperti yang dikehendaki di bawah Syarat-syarat kontrak, dan hendaklah juga di dalam masa yang munasabah melaksanakan Persetujuan Kontrak secara formal.

17.0 Lain-lain Hal

- 17.1 Setiap Notis yang hendak diberi kepada Pentender akan diposkan ke alamat yang dinyatakan dalam Tender dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian Notis yang sempurna.
- 17.2 Perkataan-perkataan ‘Pentender yang diluluskan’ hendaklah dimaksudkan bahawa Pentender yang mana Tendernya telah diluluskan oleh Pegawai yang menerima Tender-Tender dan hendaklah telah menepati syarat-syarat menender ini.
- 17.3 Perkataan pentender dalam syarat-syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih. Perkataan ‘dia’ hendaklah disifatkan sebagai beliau atau mereka.
- 17.4 Ketidakpatuhan mana-mana Syarat-syarat di atas boleh menyebabkan Tender tersebut ditolak.
- 17.5 Pentender adalah dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan Tendernya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan kerja dan Tapak Bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan lebihan akibat kekurangan pengetahuan mengenai keadaan kerja dan tapak bina tidak akan dilayan.